

# ANJAKAN PARADIGMA ASNAF PENERIMA ZAKAT MELALUI KEFAHAMAN TERHADAP KONSEP PENYUBURAN SECARA IMPLISIT

Halimi bte. Mohd Khalid<sup>1</sup>, Zanariah bt Noor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
halimi@uthm.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Perguruan Sultan Idris  
zanariah@fsk.upsi.edu.my

## ABSTRACT

*Maximize the use of the gift of God s.w.t for raising living standards in ways that comply with Islamic law are very encouraged by Islam. Agenda for the eradication of poverty through the distribution of charity is seen as a very noble effort. Zakat Collection Centre (PPZ) has laid out various means and methods for the realization of the transformation of the character of self-sufficiency of alms to charity is productive. The mechanisms and methods used are seen as realistic and innovative. However, the study made either through observation or study educational materials that have been produced, it appears these efforts have not yet reached a specified percentage. The phenomenon has seen many recipients who receive tithes still have not been able to free themselves and family members out of poverty despite being given every year to help them. Various factors contribute to the cause of the lack of success has been identified. It appears from the assessments made of the transformation of this charity, attitudes and patterns of public opinion has been identified as one of the causes of the failure to optimize the distribution of zakat made by PPZ. It is understandable that people can not understand and appreciate the objectives of the noble efforts made by PPZ. Hence this paper will try to look at this aspect with reference of the understanding of the concept of nourishment among recipients implicit and given less attention than the enrichment of understanding of the concept among the zakat contributor.*

**Keywords:** paradigm shift, recipients, zakat, nourishment, implicitly

## 1. PENDAHULUAN

Meneliti kepada kebanyakan kupasan yang dibuat oleh para penulis tentang ibadat zakat pasti akan menyentuh tentang makna zakat dari sudut bahasa dan istilah. Zakat secara literal adalah lafaz masdar yang diambil daripada kata kerja *zaka* yang ertinya memperbaiki, menyucikan dan memuji. Menurut Ensiklopedia Islam, zakah ialah penyucian, tumbuh dan subur, bermanfaat dan menjadi suci. Manakala dari sudut istilah pula ia bermaksud mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Zakat bertindak sebagai suatu mekanisme untuk menghasilkan masyarakat yang egaliter dimana jurang kesenangan sosial dan ekonomi antara orang kaya dan orang miskin dapat dikurangkan melalui pembayaran zakat. Zakat adalah ibadah harta yang diwajibkan sebagai sumbangan terhadap masyarakat yang bertujuan menjamin kerjasama dan menggerakkan aktiviti sosioekonomi umat Islam. Zakat juga sebagai salah satu daripada kaedah untuk

merealisasikan sistem jaminan sosial Islam. Allah S.W.T telah menetapkan bahawa terdapat lapan golongan asnaf yang layak untuk menerima pemberian zakat sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Qur'an iaitu fakir, miskin, amil, muafak, hamba, orang yang berhutang, fi sabilillah dan musafir.

## 2. ETIMOLOGI PERKATAAN ZAKAT

Perkataan zakat yang berakar umbi daripada perkataan yang bermaksud suci dan menyucikan dilihat turut digandingkan dengan perkataan yang bermaksud mengembangkan, meningkatkan atau bertambahnya akan sesuatu.<sup>1</sup> Apabila ditelusuri kepada akar kata perkataan zakat di dalam Kamus Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi perkataan zakat yang merupakan kata terbitan daripada kalimah yang membawa maksud tumbuh, berkembang, menumbuhkan atau mengembangkan.<sup>2</sup> Manakala di dalam Kamus Besar Arab-Melayu perkataan zakat diertikan sebagai keberkatan, pertumbuhan, kesucian, kebersihan dan kebaikan. Turut digandingkan dengan perkataan yang membawa maksud tanah yang subur.<sup>3</sup>

Ditinjau pula dari sudut akar kata perkataan ia membawa maksud pertumbuhan, pengembangan, pembangunan dan bertambah banyak.<sup>4</sup> Kamus Al-Mu'jam Al-'Arabi Al-Asasi turut memberikan makna yang sangat sinonim iaitu banyak dan bertambah. Manakala Kamus Besar Arab-Melayu pula memberikan makna perkataan ini bertambah, tumbuh dan menjadi banyak.<sup>5</sup> Iman al-Nawawi mengatakan bahawa dinamakan pengeluaran ini dengan zakat kerana terdapat padanya makna yang dimaksudkan oleh bahasa iaitu kesuburan.<sup>6</sup> Ibnul Arabi pula berpandangan kalimah zakat adalah suatu kalimah yang dipakai dan mempunyai dua pengertian iaitu kesuburan dan suci.<sup>7</sup> Abu Muhammad Ibnu Qutaibah pula mengatakan bahawa lafaz zakat diambil daripada perkataan *zakah* yang bererti *nama* iaitu membawa makna kesuburan dan penambahan. Dinamakan harta itu dengan zakat kerana dia menjadi sebab bagi kesuburan harta.<sup>8</sup>

Menurut Yusuf Al-Qaradhawi pengertian zakat yang terkuat adalah pengertian yang diberikan oleh Wahidi di mana kata dasarnya ialah *zaka* yang bermaksud bertambah dan tumbuh. Apabila dikatakan tanaman itu *zaka*, ertinya tanaman itu sedang tumbuh. Manakala setiap sesuatu yang bertambah disebut *zaka* iaitu bertambah. Apabila satu tanaman tumbuh tanpa cacat, maka kata *zaka* di sini bererti *bersih*.<sup>9</sup> Ringkasnya zakat itu mensucikan harta dan memperbaikinya serta menyuburkannya. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang telah diungkapkan satu gambaran yang jelas dapat disimpulkan bahawa makna zakat sangat sinonim dan sarat membawa maksud dua konsep utama yang sangat penting dalam aspek peribadatan iaitu konsep penyucian dan penyuburan.

---

<sup>1</sup> Munir Baalbaki dan Dr Rohi Baalbaki, (2006), Kamus al-Mawrid Arab-Inggeris-Indonesia, Achmad Sunarto (terj), Surabaya;Halim Jaya, h. 438

<sup>2</sup> Arab League Educational, Cultural and Scientific Organization, (1999) ,al-Mu'jam al-Arabi al-asasi : lil-natiqin bi-al-Arabiyah wa-muta'alimiha, Paris;Larus, h. 580.

<sup>3</sup> Osman Khalid, (2006), Kamus Besar Arab melayu, Kuala Lumpur;Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1033-1034

<sup>4</sup> Munir Baalbaki, Op.cit, h. 1012

<sup>5</sup> Arab League Educational , Cultural and Scientific Organization, op.cit, h. 1233

<sup>6</sup> Hasbi Ash-Shiddieqy, (1984), Pedoman Zakat, Jakarta;Pustaka Bulan Bintang, h. 24

<sup>7</sup> Ibid

<sup>8</sup> Ibid, h. 25

<sup>9</sup> Yusuf al-Qaradhawi, Hukum zakat : studi komparatif mengenai status dan filsafat zakat berdasarkan quran dan hadis, Salman Harun (et.al) (terj), Singapura:Pustaka Nasional PTE.LTD, h. 34

Meneliti kepada makna literal zakat yang diberikan oleh organisasi-organisasi pengurusan zakat<sup>10</sup> di setiap Malaysia perkataan penyucian dan penyuburan adalah dua pengertian yang sangat masyhur digunakan apabila memberikan makna zakat. Kedua-dua konsep ini iaitu penyucian dan penyuburan telah diberikan interpretasi yang bersesuaian dan juga turut mempunyai persamaan antara negeri-negeri iaitu merujuk kepada pihak yang memberikan zakat. Secara umumnya konsep penyucian dan penyuburan, dapat dilihat dari dua sudut pendekatan makna iaitu makna yang bersifat eksplisit iaitu yang tersurat dan implisit iaitu yang tersirat. Makna-makna yang bersifat eksplisit dan implisit ini pula boleh dibahaskan dari dua sudut iaitu sudut pemberi zakat dan sudut penerima zakat.

Secara lebih terperinci makna konsep penyucian yang bersifat eksplisit ialah mengaitkan secara langsung makna penyucian dengan harta dan diri pemberi zakat. Senario ini akan membawa kepada kefahaman makna bahawa zakat harta yang dikeluarkan adalah sebagai agen penyucian harta yang diperolehi daripada unsur-unsur syubhah dan sebagainya. Juga turut membersihkan diri pemberi zakat daripada sifat bakhil, kedekut, sombong, angkuh dan takabbur. Manakala untuk diri penerima zakat pula ianya ialah sebagai satu mekanisme untuk membersihkan diri mereka daripada sifat hasad dan dengki terhadap orang kaya.

Mengenai konsep penyuburan pula, pada kebanyakan penulisan akan menitikkan kelebihan ibadah zakat ini sebagai salah satu kaedah penyuburan harta bagi orang yang mengeluarkan zakat. Menyuburkan harta, kerana walaupun pada zahir berkurang tetapi menjadi banyak, bertambah berganda-ganda dengan pahala. Begitu juga kerana berkat berzakat akan ditambah rezeki. Selain daripada itu zakat turut menyuburkan diri dan peribadi pengeluar zakat dengan sifat-sifat yang mulia iaitu pemurah, belas kasihan, pengasih dan penyayang terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

Di sinilah pokok perbincangan penulisan kertas kerja ini iaitu mengenai konsep penyuburan di kalangan para penerima zakat. Berdasarkan kepada penelitian kepada penulisan-penulisan berkenaan hikmah dan kelebihan ibadah zakat ternyata bahawa terlalu sedikit penekanan yang diberikan terhadap aplikasi konsep penyuburan ini bagi kalangan penerima zakat. Penulis turut membuat beberapa siri temu bual secara tidak berstruktur dengan beberapa orang awam dari pelbagai peringkat terhadap isu ini. Kesemua mereka menyatakan bahawa pengetahuan berkenaan konsep penyuburan terhadap harta dan diri penerima zakat adalah sesuatu fenomena ilmu yang sangat jarang didengar dan diketahui umum.

### **3. KONSEP PENYUBURAN HARTA ASNAF PENERIMA ZAKAT**

Melalui kaedah *maslahah* iaitu melaksanakan sesuatu mengikut kepentingan yang telah ditetapkan oleh Islam secara merelisasikan kebaikan dan menolak kerosakan atau kemudharatan (*dar al mafasid wa jalb al-masalih*) serta dalam masa yang sama selari dengan objektif syariah (*maqasid al-shariah*) banyak perkara-perkara baru yang telah diperkenalkan dengan tujuan memenuhi dan mempertingkatkan kehidupan umat Islam. Antaranya ialah berkenaan transformasi secara besar-besaran zakat daripada zakat sara diri kepada zakat produktif.

Secara kefahaman tradisi, zakat adalah difahamkan oleh kebanyakan daripada orang awam sebagai salah satu cara bantuan sara diri disalurkan kepada golongan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Justeru, ianya bermaksud zakat akan hanya habis dengan satu penggunaan sahaja

terutama nya penggunaan untuk memenuhi keperluan asas asnaf sahaja. Ia tidak mampu berkembang dan akan hangus begitu sahaja. Ia tidak boleh membawa asnaf berkembang hingga boleh membawa asnaf keluar dari menjadi penerima zakat.

Keadaan ini dilihat sebagai sudah tidak bersesuaian dengan suasana semasa dimana premis pencapaian zakat masakini diakui sebagai sangat memberangsangkan tetapi masih belum mencukupi. Pencapaian tersebut lebih tertumpu kepada pencapaian pungutan tetapi kurang dari sudut pencapaian agihan. Jelasnya berlaku ketidakseimbangan antara kadar yang telah berjaya dipungut dengan keberkesanan dari sudut agihan dimana matlamat terbesarnya ialah untuk mengeluarkan asnaf daripada lingkaran dan belenggu kemiskinan.

Atas masalah tersebut maka zakat produktif telah diperkenalkan. Zakat produktif bermaksud zakat yang mampu mengembangkan manfaat secara berganda. Ia menjadi alat untuk perkembangan manfaat seterusnya, sama ada manfaat dalam bentuk ekonomi, sosial dan sebagainya. Ia mempunyai kesan *multiplier* sehingga akhirnya dapat melahirkan pengeluar zakat dari kalangan penerima zakat itu sendiri dan seterusnya memanfaatkan seluruh umat Islam.<sup>11</sup>

Idea dan hasrat mulia ini sebagai menjawab kepada keperluan serta kemaslahatan umat Islam adalah tidak bertentangan sama sekali dengan syariat Islam yang mulia. Semasa zaman peemrintahan Khalifah Umar bin Al-Khattab, seorang lelaki yang telah mendatangi Umar dalam keadaan yang amat memprihatinkan. Meskipun lelaki itu bertubuh badan sihat namun dia mengkhabarkan kepada Umar bahawa “Aku binasa dan keluargaku binasa” disebabkan oleh kemiskinan yang mereka alami. Setelah memahami kesusahan yang ditanggung oleh lelaki itu, Saidina Umar telah memerintahkan agar diberikan seekor anak unta yang diiringi dengan seekor lagi unta jantan dan seekor unta betina (induknya). Pada hal mengupas keadaan ini Abu Ubaid al-Qassam telah menterjemahkan bahawa perbuatan Umar member tiga ekor unta kepada lelaki miskin tersebut ialah sebagai modal supaya si penerima zakat dapat berusaha memperkayakan dirinya dengan cara mengeluarkan dirinya dan ahli keluarganya daripada kemiskinan.<sup>12</sup>

Imam Malik bin Anas telah menukikan “Menurut saya, si pemberi zakat mesti mengeluarkan zakat kepada penerima sesuai dengan kadar yang diperlukan berdasarkan ijtihad dan akal fikirannya”. Meskipun kaedah pembayaran zakat yang terpakai di Negara Malaysia adalah dalam bentuk wang ringgit namun pandangan Imam Malik ini dilihat sebagai tidak bercanggah kerana urus tadbir berkenaan hal ehwal zakat telah pun distrukturkan kepada organisasi-organisasi tertentu mengikut negeri-negeri. Justeru melalui idea zakat produktif inilah saranan dan pandangan Imam Malik ini oleh direalisasikan.<sup>13</sup>

Kesedaran, persiapan dan persediaan dan langkah untuk mentarnformasikan zakat dilihat sebagai sudah bermula dan sedang dilaksanakan dengan baik. Melalui penilaian terhadap kertas kerja-kertas kerja yang telah dimuatkan dalam sebuah buku yang menjadi antara rujukan utama penulis, didapati dari segi teori dan landasan yang disediakan adalah sangat baik. Namun begitu, rata-rata penulis memberikan komen terutama diujung penulisan mereka tentang

---

<sup>11</sup> Muhammad Syukri Salleh, Mohammad Salleh Abdullah dan Zahri Hamat, (2011), Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri kepada Zakat Produktif, Universiti Sains Malaysia; Pusat Urus Zakat, MAINPP & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), h. xvii.

<sup>12</sup> Abu Ubaid al-Qasim, (2009), Al-Amwal:Ensaiklopedia Keuangan Publik, Muhammad Syafii Antonio (terj), Jakarta;Gema Isnani, h. 680-681

<sup>13</sup> Ibid

masalah dan cabaran yang dihadapi bagi memastikan matlamat yang disasarkan dapat dicapai. Antara cabaran yang menarik minat penulis untuk mengkaji ialah berkenaan sikap golongan asnaf yang datang dari pelbagai latar belakang yang mana mereka enggan atau tidak mahu atau juga mengambil sikap sambil lewa tanpa memberikan kerjasama serta komitmen terhadap usaha-usaha yang dijalankan.

Selain daripada faktor-faktor seperti gender dan sebagainya, saya berpendapat tumpuan juga harus diberikan ke arah menyediakan minda asnaf yang berilmu sehingga mereka mampu memahami dan menjiwai terhadap ibadah zakat ini. Persediaan jiwa dengan pengetahuan asas yang kukuh dan mantap akan membuatkan mereka lebih memahami apakah tujuan dan matlamat yang ingin dicapai menerusi kaedah transformasi zakat ini.

Ternyata dengan pengurusan dan pengetahuan yang betul, mantap dan kukuh meskipun pada peringkat yang minima telah berjaya melonjakkan wang pungutan zakat sebagaimana yang dilaporkan oleh organisasi-organisasi pungutan zakat di setiap negeri. Terbit dari faktor ini ialah satu bentuk kesedaran kepada orang-orang yang mampu mengeluarkan zakat untuk berbuat demikian kerana mereka mengetahui tentang kelebihan dan kebaikan yang akan diperolehi daripada perbuatan amal mereka sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Sebaliknya, oleh kerana tiada penerangan dan penekanan yang khusus diberikan terhadap hikmah dan faedah ibadah zakat terhadap asnaf maka minda mereka khususnya dan orang awam umumnya hanya terhenti setakat memikirkan yang wang pemberian zakat itu ialah untuk kegunaan keperluan peribadi dan keluarga sahaja. Minda mereka tidak mampu menjangkau lebih jauh dari itu disebabkan pelbagai kekurangan yang ada pada mereka.

Oleh kerana itulah maka minda para asnaf khususnya dan orang awam umumnya perlu diubah ke arah yang lebih positif dan produktif. Titik fokus yang perlu diberikan perhatian dan penekanan ialah mengenai hikmah dan faedah zakat yang berteraskan kepada konsep penyuburan harta dan diri asnaf. Harus ditanamkan dan diberikan kefahaman kepada mereka bahawa melalui pemberian zakat itu ianya boleh digunakan untuk menyuburkan kehidupan mereka melalui pelbagai aktiviti yang dirancangan. Selain daripada itu konsep penyuburan juga adalah meliputi diri dan keperibadian penerima zakat itu sendiri iaitu menyuburkan diri dengan sikap dan sifat yang mulia seperti rajin, proaktif dan produktif, bermotivasi dan sebagainya yang akan menggantikan sikap dan sifat negative seperti malas, pasif, tidak bermotivasi, pasrah dan menyerah kepada takdir dan sebagainya. Konsep penyuburan dikalangan asnaf ini perlu diterangkan bersama-sama dengan dalil-dalil dari pelbagai sumber yang diiktiraf iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak, Qiyas serta Masalih al-Mursalah yang berkaitan dengan situasi ini bagi memantapkan pengetahuan mereka.

Begitu juga melalui kaedah penceritaan pelbagai riwayat yang boleh dikutip dari pelbagai sumber berkenaan perbuatan dan praktis agihan zakat yang sangat mendidik penerimanya agar memulakan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib kehidupan mereka. Teknik ini dilihat akan memotivasikan mereka untuk membuat perubahan sikap berdasarkan kepada anjakan paradigm kefahaman mereka yang berubah dari asnaf biasa kepada asnaf yang berilmu pengetahuan. Bertindak dalam keadaan berilmu itu akan lebih bermanfaat dari sekadar mengikut sahaja.

Idea ini harus diwar-warkan kepada mereka melalui pelbagai kaedah dan medium. Institusi-institusi pungutan zakat dan juga pihak-pihak yang terlibat boleh menggunakan kemudahan teknologi masa kini untuk membantu meningkatkan ilmu dan kefahaman di kalangan asnaf.

Sebagai contoh di laman-laman sesawang (*website*) institusi-institusi pungutan zakat perlu menonjolkan tentang konsep penyuburan zakat untuk asnaf penerima zakat. Satu ruangan khusus perlu ditulis mengenai perkara ini. Berbanding dengan apa yang ada pada masa ini dimana penekanan hanya diberikan kepada para pemberi zakat dengan tujuan untuk mendidik dan member kesedaran kepada mereka agar menunaikan tanggungjawab mereka.<sup>14</sup>

### **3.1 Kadar Pemberian Zakat Kepada Asnaf**

Ahli-ahli fiqh berbeza pendapat mengenai kadar yang patut diberikan kepada fakir dan miskin. Menurut ulama' mazhab Syafi'i dan Hanbali kadar yang harus diberikan kepada golongan ini adalah kadar yang dapat menyelesaikan masalah keperluannya seperti untuk membeli alat-alat keperluan kerja atau untuk membeli barang-barang yang dijadikan modal perniagaan, walaupun modal yang diperlukan adalah dalam kadar jumlah yang banyak. Ini adalah kerana Allah S.W.T telah menetapkan zakat untuk para asnaf dengan tujuan untuk menyelesaikan keperluannya dan menyempurnakan masalah mereka. Oleh itu, kadar yang diberikan kepada fakir dan miskin tentulah kadar yang dapat menyempurnakan keperluannya iaitu kadar yang cukup untuk setahun.

Manakala Abu Hanifah pula berpandangan sah memberikan zakat mengikut apa jua kadar atau jumlah tanpa ditentukan nisab tertentu. Imam Malik pula berpendapat mengatakan kadar pemberian adalah terpulang kepada ijtihad kerana maksud zakat ialah untuk memperkayakan orang fakir sehingga menjadi kaya tetapi ulama Mazhab Maliki pula mengatakan ia tidak boleh diberikan kepada fakir lebih daripada kadar yang mencukupi untuk setahun. Hujah Abu Hanifah dan Malik ialah ayat yang menyatakan tentang kewajipan zakat tidak menetapkan kadar yang patut diberi kepada setiap asnaf.

Sesungguhnya perpecahan pendapat itu adalah satu rahmat. Justeru perbezaan pendapat ini membantu menguatkan hujah dan pandangan bahawa para asnaf mempunyai ruang dan peluang yang begitu luas untuk membebaskan diri mereka dari rangkaian kemiskinan dan kesusahan hidup yang saban tahun melingkari kehidupan mereka. Kemudahan modal dan prasarana yang diberikan hanya akan memberi makna seandainya para asnaf mempunyai sikap yang betul.

## **4. KESIMPULAN**

Pensyariatan ibadah zakat oleh Allah S.W.T terhadap umat Islam adalah sebagai tanda kebesaran dan kasih sayang Allah S.W.T terhadap makhlukNya. Bukan sahaja berperanan sebagai satu jaminan sosio ekonomi masyarakat tetapi juga sebagai satu bentuk pendidikan kepada pemberi dan penerima zakat agar sentiasa berjalan atas landasan yang telah ditetapkan oleh Allah yang Maha Pencipta. Melalui kefahaman yang betul dan benar akan menghasilkan satu pusingan sistem zakat yang efektif dan berkesan kerana kedua-dua pihak mampu menjiwai peranan masing-masing serta hikmah daripada pensyariatan ibadah ini yang mampu memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak pada tahap yang maksimum sama ada di dunia mahupun di akhirat.

---

<sup>14</sup> Boleh rujuk kepada laman web-laman web institusi pengurusan zakat di negeri-negeri di Malaysia.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an al-Karim

Abu Ubaid al-Qasim, (2009), *Al-Amwal: Ensiklopedia Keuangan Publik*, Muhammad Syafii Antonio (terj), Jakarta; Gema Isnani.

Arab League Educational, Cultural and Scientific Organization, (1999), *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi: lil-natiqin bi-al-Arabiyah wa-muta'alimiha*, Paris; Larus.

Hasbi Ash-Shiddieqy, (1984), *Pedoman Zakat*, Jakarta; Pustaka Bulan Bintang.

Muhammad Syukri Salleh, Mohammad Salleh Abdullah dan Zahri Hamat, (2011), *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri kepada Zakat Produktif*, Universiti Sains Malaysia; Pusat Urus Zakat, MAINPP & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).

Munir Baalbaki dan Dr Rohi Baalbaki, (2006), *Kamus al-Mawrid Arab-Inggeris-Indonesia*, Achmad Sunarto (terj), Surabaya; Halim Jaya.

Osman Khalid, (2006), *Kamus Besar Arab melayu*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf al-Qaradhawi, *Hukum zakat: studi komparatif mengenai status dan filsafat zakat berdasarkan quran dan hadis*, Salman Harun (et.al) (terj), Singapura: Pustaka Nasional PTE.LTD.